

Najib Dijadual Melawat Sabah Esok
Bernama
10 Ogos, 2012

KOTA KINABALU, 10 Ogos (Bernama) - Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual melawat Sabah esok.

Menurut kenyataan Bahagian Akhbar Jabatan Ketua Menteri di sini Jumaat, Perdana Menteri mempunyai atur cara padat sepanjang lawatan sehari itu.

Najib dijadual menghadiri perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah di Bangunan Umno, dekat sini sejurus tiba pada kira-kira pukul 11.50 pagi.

Selepas itu, beliau mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Barisan Nasional (BN) Negeri di tempat sama.

Perdana Menteri kemudiannya melakukan tinjauan mesra di Bazaar Ramadan di Pekan Papar pada kira-kira pukul 3.30 petang.

Najib akan menghadiri Majlis Berbuka Puasa di SMK Bongawan II di kawasan Parlimen Kimanis sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687254>